

Air sisa kumbahan dirawat wajar dikomersialkan

2011/03/31

ADA dua jenis perkhidmatan berbayar sanitasi dan kumbahan, iaitu perkhidmatan bersambung dan tidak bersambung. Perkhidmatan bersambung adalah sisa kumbahan (air sisa dari bilik air dan tandas) serta air sisa dapur dialirkan terus ke loji perawatan Indah Water Konsortium (IWK) untuk dirawat.

Perkhidmatan tidak tersambung adalah bagi kawasan perumahan lama dan kawasan pedalaman, ada tangki septik individu yang merawat sisa kumbahan saja. Tangki septik ini perlu dinyah enap cemar (pengeluaran mendapan pada dasar tangki) secara berkala.

Proses ini memastikan tangki septik berfungsi pada keadaan optimum. Kos menyah enap cemar antara RM200 hingga RM300. Jika proses ini tidak dilakukan, sisa kumbahan mengalir terus ke longkang atau sungai.

Menurut Malaysia Water Industry Guide 2010, 6,434,483 tangki septik individu dan 5,519,616 sistem simbah masih berfungsi di Semenanjung dan Labuan. Sistem simbah terus mempunyai impak yang lebih teruk kepada alam sekitar berbanding tangki septik individu. Kedua-dua sistem ini perlu ditukarkan kepada perkhidmatan bersambung.

Bagi perkhidmatan bersambung, sisa kumbahan dikumpulkan secara bersepadu dan dirawat sebelum sisa dilepaskan sama ada pada Standard A atau B mengikut Standard Pelepasan Air Sisa ditetapkan Jabatan Alam Sekitar. Sisa kumbahan adalah sumber tidak digunakan terutama di kawasan yang mengalami kekurangan air. Antara 50 hingga 80 peratus penggunaan air domestik dialirkan ke sistem kumbahan.

Di Australia, Asia Barat dan Singapura menuai sumber ini untuk kegunaan sebagai air minuman dan bukan minuman. Malaysia mempunyai potensi tinggi mengembangkan bidang ini bagi sektor domestik, komersial dan industri.

Air sisa kumbahan yang dirawat boleh digunakan untuk tujuan penyejukan mesin, proses tidak membabitkan penyediaan makanan, menyiram tumbuhan di bawah kawalan kerajaan.

PIARAPAKARAN S,

Presiden Persatuan Penyelidikan Air dan Tenaga Malaysia (AWER).